



MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

مجلس دائريه سابك برنام

45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL: 03-3007 4700

Laman web: <http://www.mdsb.gov.my>

IKLAN KENAIKAN PANGKAT

Permohonan adalah dipelawa kepada kakitangan Majlis Daerah Sabak Bernam yang sedang berkhidmat serta yang berkecenderungan untuk mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat di Majlis Daerah Sabak Bernam.

Tarikh Iklan Dibuka : 23 September 2026 (Rabu)

Tarikh Iklan Ditutup : 29 September 2026 (Selasa) - sebelum jam 4.00 petang

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF	KEKOSONGAN
1	Pembantu Penilaian	W2	Tetap	1

Syarat Kelayakan Dan Cara Permohonan

Syarat kelayakan dan cara permohonan bagi setiap jawatan kosong boleh didapati dengan melayari laman sesawang Majlis Daerah Sabak Bernam iaitu www.mdsb.gov.my dengan kadar bayaran RM 10.00 setiap satu borang permohonan.

“ BERDAYA · BERBAKTI · BERKUALITI ”

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sabak Bernam.

1. (a) Jawatan : Pembantu Penilaian, Gred W2
(b) Pihak Berkuasa Tempatan : Majlis Daerah Sabak Bernam
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
2. Jadual Gaji :

Minimum	:	RM 2,220.00
Maksimum	:	RM 5,770.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM 115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Imbuhan Sara Hidup	:	RM 200.00
(mengikut kadar semasa)		
3. **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:**

Pembantu Penilaian, Gred W1 atau Pembantu Penilaian, Gred W2 (TBK1) adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penilaian, Gred W2 yang kosong apabila telah :-

 - a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu memperoleh purata LNPT sekurang-kurangnya 80% dan ke atas bagi tiga tahun terakhir berturut-turut ;
 - d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan ;
 - e) bebas daripada hukuman tatatertib;
 - f) telah mengisytihar harta;
 - g) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
 - h) berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dan ke atas.
4. Taraf Jawatan : Tetap
5. **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan **Pembantu Penilaian, Gred W2** adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Tarikh Tutup Permohonan : 29 September 2026 (Selasa) - sebelum jam 4.00 petang

CARA MEMOHON:

1. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang www.mdsb.gov.my.
2. Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen tersebut:-
 - i. Salinan Kad Pengenalan;
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran;
 - iii. Salinan Sijil-sijil Persekolahan termasuk Sijil Tamat Persekolahan;
 - iv. Salinan Kelulusan Akademik SPM/SPMV, STPM, STAM, Sijil-Sijil, Diploma, atau Ijazah (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (Sistem eSisraf) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTA/IPTS dan luar negara – jika berkenaan);
 - v. Sekeping Gambar Berukuran Pasport (warna); dan
 - vi. Resit bayaran borang permohonan jawatan kosong.
3. Semua dokumen hendaklah dikepilkan dengan kemas bagi mengelakkan keciciran/kehilangan dokumen.
4. Setiap permohonan mesti dimasukkan ke dalam sampul surat serta nama jawatan yang dimohon hendaklah dicatat di sebelah kanan atas sampul surat.

5. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK :-

- i. Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
 - ii. Tidak lengkap dan tidak jelas;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;
 - iv. Tidak ditandatangani;
 - v. Diterima selepas tarikh tutup iklan; dan
 - vi. Tidak dilampirkan resit bayaran.
6. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga bulan dari **tarikh iklan ditutup adalah tidak berjaya**. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi **untuk sesi temuduga** dan sekiranya tiada makluman **selepas tiga bulan dari tarikh temuduga adalah tidak berjaya**.

Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh pihak Majlis Daerah Sabak Bernam.

7. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a)
 - (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
(Nota : Merujuk MMKN Ke 38 Tahun 2015 pada 30/12/2015)

8. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :

**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sabak Bernam,
Jalan Dewan, 45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: Jabatan Khidmat Pengurusan)**

Tarikh Tutup Permohonan : 29 September 2026 (Selasa) - sebelum jam 4.00 petang

“ BERDAYA · BERBAKTI · BERKUALITI ”

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sabak Bernam.